

16 MAY 1996

TRAK NASIONAL AKAN MUNCUL PERTENGAHAN 1997

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 16 Mei (Bernama) -- Pengeluaran trak nasional Malaysia di dalam usaha sama dengan Isuzu Motors Ltd dari Jepun akan bermula menjelang pertengahan 1997 dengan pengeluaran dianggarkan sebanyak 6,000 unit dalam 12 bulan pertama.

Pengeluaran tahunan diunjurkan akan meningkat kepada 20,000 unit dalam tahun ketiga, seorang jurucakap Isuzu dipetik sebagai berkata di dalam akhbar harian The Japan Times hari ini.

Rakan-rakan kongsi Malaysia di dalam projek itu adalah Hicom Holdings Bhd dan anak syarikatnya, Diversified Resources Bhd (DRB), yang menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Isuzu, pembuat kenderaan komersil terbesar Jepun, hari Selasa lalu.

Isuzu, yang telah meminta kepentingan 20 hingga 25 peratus di dalam projek itu, membuat pengumuman itu semalam.

Trak itu, berasaskan model tugas ringan Elf Isuzu yang beratnya di antara 3.5 dan tujuh tan, akan dijual di Malaysia oleh sebuah syarikat usaha sama ketiga-tiga pihak dan dieksport ke negara-negara Asia di masa akan datang.

Trak itu akan dikeluarkan oleh syarikat milik DRB, Automotive Manufacturers Malaysia Sdn Bhd, di kilangannya di Pekan, Pahang, di mana sebuah lagi anak syarikat DRB, ACM Sdn Bhd, telah memasang kenderaan Isuzu untuk pasaran Malaysia sejak tahun 1984.

Upacara menandatangani MOU itu di kilang pembuatan Isuzu terbesar di Fujisawa, 60 km di selatan sini, disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir telah memberi jaminan kepada presiden Isuzu Kazuhira Seki bahawa kerajaan Malaysia akan memberikan sokongan penuhnya bagi memastikan kejayaan projek itu, untuk pengeluar Jepun itu dan juga rakan kongsinya di Malaysia.

Hicom diwakili oleh presiden dan pengerusi eksekutifnya Datuk Seri Yahaya Ahmad, DRB oleh pengarah urusan kumpulan Datuk Saleh Sulong manakala Seki menandatangani bagi pihak Isuzu.

Dr Mahathir diberikan prebiu khas dua prototaip trak itu. Beliau meminta Isuzu memastikan kos pengeluaran yang serendah mungkin untuk menjadikan kenderaan itu menarik di pasaran domestik dan luar negara dan juga membantu Malaysia mengurangkan defisit akaun semasanya.

Hicom juga memiliki Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) yang mengeluarkan kereta nasional dengan Mitsubishi Motors Corp manakala DRB mengeluarkan satu lagi model Proton dengan pengeluar kereta Perancis, Citroen.

-- BERNAMA

TCL OS SIA